

**HUNTSMAN**

Enriching lives through innovation

**CORPORATE GLOBAL  
POLICY**

<b>Doc Ref. :</b>	<b>HRP-001</b>
<b>Issue Date:</b>	<b>February 6, 2014</b>
<b>Revision :</b>	
<b>Revision Date:</b>	

**KEJUJURAN  
INTEGRITI  
HORMAT  
TANGGUNGJAWAB**

<b>Tajuk:</b>	Polisi Hak Asasi Manusia
<b>Polisi:</b>	Hak Asasi Manusia

<b>No. Semakan</b>	<b>Sebab Untuk Berubah</b>	<b>Tarikh:</b>	<b>Ditulis oleh:</b>	<b>Pemilik:</b>
0	Isu Pertama	6 Februari, 2014	Chuck Oaks	Sumber Manusia

Salinan tidak terkawal semasa dicetak.

Muka surat 1 of 3

Copyright (c) 2014 Huntsman Corporation. All rights reserved.

## **POLISI HAK ASASI MANUSIA**

### **1. Pernyataan Polisi**

Polisi Hak Asasi Manusia Huntsman mengukuhkan prinsip ke atas tindakan dan tingkah laku kami berhubung hak asasi manusia dalam mendemostrasikan komitmen kami untuk membangunkan budaya organisasi yang menyokong hak asasi manusia yang diiktiraf secara antarabangsa dan berusaha untuk mengelakkan pencabulan hak asasi manusia. Prinsip tersebut menyokong dan konsisten terhadap perkara yang termaktub di dalam Perisytiharan Sejagat ke atas Hak Asasi Manusia, Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional, Perjanjian Global Bangsa-Bangsa Bersatu dan Perisytiharan ILO mengenai Prinsip Asas dan Hak Di Tempat Kerja (juga dirujuk sebagai “Konvensyen Teras ILO”).

### **2. Skop Polisi**

Polisi Hak Asasi Manusia Huntsman melengkapinya Garis Panduan Kelakuan Perniagaan Syarikat yang membentuk tanggapan global ke atas tingkah laku, tindakan dan keputusan kami demi memastikan kepuasan terhadap nilai-nilai kejujuran, integriti, kehormatan dan tanggungjawab kami. Garis Panduan Kelakuan Perniagaan melambangkan tahap tertinggi dalam memberi panduan kepada sekutu kami. Garis Panduan Kelakuan Perniagaan mempamerkan penghormatan kepada hak asasi manusia dengan memberikan panduan ke atas mengekalkan persekitaran pekerjaan yang selamat dan saling menghormati, menawarkan pekerjaan yang adil, menghormati privasi, mematuhi keperluan anti-rasuah, menggalakkan pengawasan alam sekitar dan menjalankan pemasaran yang bertanggungjawab.

Kesemua Pengarah, pegawai, sekutu dan perwakilan syarikat-syarikat Huntsman, yang merangkumi kakitangan yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Huntsman dalam sebarang operasi Syarikat, termasuk operasi yang dijalankan oleh mana-mana jabatan, subsidiari, agen, perunding atau perwakilan lain, dan rakan kongsi atau perusahaan perniagaan lain di mana Syarikat ini terlibat, (“Kakitangan Huntsman”) diperlukan supaya mematuhi Garis Panduan Kelakuan Perniagaan tersebut. Huntsman menjangkakan bahawa pembekal, vendor, dan subkontraktornya untuk berkongsi komitmen mereka terhadap hak asasi manusia dan kesaksamaan peluang di tempat kerja mengikut Garis Panduan Kelakuan Perniagaan dan Polisi ini.

### **3. Objektif Polisi**

- Huntsman komited dalam menyediakan tempat kerja yang tidak menggunakan buruh paksa dan kanak-kanak, yang menghormati hak kebebasan berkesatuan dan perundingan kolektif.
- Huntsman komited dalam menyediakan tempat kerja yang bebas daripada amalan gangguan dan diskriminasi yang menyalahi undang-undang berdasarkan bangsa, warna, jantina, negara asal, orientasi seksual, umur, ugama atau ketidakupayaan seperti yang dijelaskan selanjutnya di dalam Polisi terhadap Diskriminasi, Termasuk Gangguan dan Tindak Balas.

Salinan tidak terkawal semasa dicetak.

Muka surat 2 of 3

Copyright (c) 2014 Huntsman Corporation. All rights reserved.

- Huntsman komited dalam memberi pampasan kepada sekutu dengan upah yang kompetitif berdasarkan penilaian pasaran tempatan dan mematuhi semua undang-undang berkenaan syarat pekerjaan termasuk waktu bekerja asas dan lebih masa.
- Huntsman komited untuk menghormati nilai-nilai budaya bagi komuniti di mana ia beroperasi termasuk hak orang pribumi yang dinyatakan mengikut standard antarabangsa yang diguna pakai.
- Huntsman komited dalam memastikan peruntukan keselamatan kepada operasi kami adalah selaras dengan standard antarabangsa yang berkaitan, menggunakan perkhidmatan keselamatan bila perlu sahaja dan hanya mengambil pendekatan kekerasan bila perlu dan setimpal dengan ancaman.
- Huntsman komited dalam mempromosikan nilai-nilainya kepada pembekal, vendor dan subkontraktornya dan menjangkakan mereka akan berpegang teguh kepada nilai-nilai tersebut.
- Huntsman komited untuk memberi perhatian kepada kebimbangan yang dibangkitkan oleh pemegang kepentingan dan untuk bekerja bersama-sama mereka dalam menyokong hak asasi manusia di dalam lingkungan aktiviti dan pengaruh Huntsman.

#### **4. Pelaksanaan Polisi**

Bagi mencapai objektif Polisi tersebut, Huntsman seharusnya melakukan perkara berikut:

- Menyokong Polisi dengan memberi panduan dan latihan ke atas pematuhan terhadap Polisi tersebut dan melaporkan sebarang pelanggaran yang dicurigai
- Menggalakkan laporan dibuat kepada pelanggaran yang dicurigai ke atas Polisi ini menerusi saluran yang sama seperti yang dibentuk untuk laporan yang dibuat di bawah Garis Panduan Kelakuan Perniagaan
- Pelanggaran yang dicurigai akan disiasat oleh pasukan yang dibentuk oleh Pengurus Pematuhan Korporat dengan mengambil tindakan korektif atau tindakan lain yang sesuai
- Membangunkan dan melaksanakan tatacara untuk mempromosikan konsistensi pada amalan Syarikat dan memenuhi keperluan kawal selia yang diguna pakai oleh badan kerajaan
- Menjalankan audit Polisi secara berkala menurut keperluan audit Program Pematuhan Korporat, dan bila perlu, mengemas kini Polisi atau tatacara dan panduannya berpandukan kepada keberkesannya. Huntsman mungkin meminta audit bebas pada bila-bila masa dalam sebarang cara yang dirasakan sesuai oleh Komiti Perlantikan dan Pentadbiran kepada Lembaga Pengarah
- Laporkan prestasi hak asasi manusia Syarikat kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali dalam setahun

Salinan tidak terkawal semasa dicetak.

Muka surat 3 of 3

Copyright (c) 2014 Huntsman Corporation. All rights reserved.